



# KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI  
DAN KOS SARA HIDUP

No. 13 Persiaran Perdana, Presint 2,  
62623 Putrajaya

No. Telefon : 03-8882 5562  
No. Fax : 03-8882 5569

## **STOK PENIMBAL GULA PUTIH BERTAPIS DI SABAH, SARAWAK DAN WP LABUAN BERMULA 1 MEI 2025**

Kerajaan sentiasa memantau dan memastikan bekalan barangan keperluan harian rakyat sentiasa mencukupi di pasaran terutamanya ketika permintaan meningkat di musim perayaan. Ini penting kerana bekalan yang mencukupi juga akan mempengaruhi penawaran harga berpatutan di pasaran.

Mengambil kira terdapat bekalan barangan keperluan harian di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan (WP) Labuan yang bergantung sepenuhnya daripada Semenanjung Malaysia, langkah khusus perlu dilaksanakan untuk menangani isu gangguan bekalan.

Antara barangan yang terbabit adalah gula putih bertapis yang keseluruhan bekalan diperolehi daripada Semenanjung Malaysia disebabkan tidak wujudnya pengilang di Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Ini mengakibatkan berlaku gangguan bekalan gula putih bertapis pada masa tertentu seperti gangguan serius yang pernah terjadi pada bulan Ogos hingga Oktober 2023. Ini ditambah dengan faktor logistik iaitu penghantaran bekalan melalui perkapalan dari Semenanjung Malaysia yang memerlukan masa lima hari ke Sarawak dan tujuh hari ke Sabah.

Atas sebab itu, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN) telah merangka langkah khusus untuk mewujudkan stok penimbal gula putih bertapis di Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Syor ini telah dipersetujui Mesyuarat Jemaah Menteri Persekutuan pada 26 Mac 2025.

Susulan daripada keputusan tersebut, KPDN akan mengeluarkan Arahan Pengawal Bekalan kepada kedua-dua syarikat pengilang di Semenanjung Malaysia iaitu MSM Malaysia Holdings Berhad dan Central Sugars Refinery (CSR) Sdn Bhd. Jumlah stok penimbal yang ditetapkan adalah pada kadar 1,000 metrik tan (1 juta kilogram) untuk keperluan di Sabah dan WP Labuan dan 1,000 metrik tan untuk keperluan di Sarawak secara berperingkat bermula 1 Mei 2025.

Sebagaimana yang telah diumumkan sebelum ini, selain penyediaan stok penimbal, Kerajaan Persekutuan juga telah meluluskan peruntukan tambahan untuk subsidi pengangkutan perkapalan bagi penghantaran bekalan gula putih bertapis ke Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Peruntukan yang disediakan kini adalah sebanyak RM38 juta setahun, berbanding RM19 juta setahun sebelum ini iaitu peningkatan daripada 10 sen kepada 20 sen bagi setiap kilogram.

Selain itu, Mesyuarat Jemaah Menteri pada 26 Mac 2025 juga bersetuju untuk KPDN menubuhkan Jawatankuasa Penstabilan Bekalan dan Harga. Jawatankuasa ini akan dianggotai oleh kementerian, jabatan, agensi serta pemain-pemain industri berkaitan yang akan bersidang sekurang-kurangnya enam kali setahun. KPDN berharap usaha bersepadu ini akan terus berupaya menangani isu-isu berkaitan kos sara hidup, kestabilan bekalan dan harga secara lebih berkesan demi kesejahteraan rakyat.

**YB DATUK ARMIZAN BIN MOHD ALI**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri  
dan Kos Sara Hidup

Papar, Sabah  
20 April 2025